

16/01/1998

Mahathir mahu jumpa Suharto

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan beliau akan ke Jakarta untuk mengadakan perbincangan dengan Presiden Suharto.

"Saya pergi untuk melihat dan berbincang dengan beliau kerana kita negara berjiran," kata Perdana Menteri menjawab soalan pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara di sini, hari ini.

Beliau bagaimanapun belum memutuskan tarikh lawatan itu.

"Saya akan jumpa Suharto. Tapi tak tetapkan tarikh... mana tahu ketika itu dia tak boleh dikunjungi.

"Tetapi saya mahu membuat lawatan itu," katanya apabila diminta mengesahkan laporan dari Jakarta yang memetik Menteri Sekretariat Indonesia, Moerdiono, sebagai berkata Dr Mahathir akan melakukan lawatan ke negara itu.

Kedua-dua pemimpin itu kali terakhir bertemu ketika Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Vancouver, November lalu. Suharto gagal menghadiri Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di sini Disember lalu kerana sakit.

Selasa lalu, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong mengadakan pertemuan sejam dengan Presiden Indonesia itu di Jakarta.

Hari ini, Suharto dan Pengarah Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Michel Camdessus menandatangani satu memorandum di Jakarta untuk mempercepatkan pembaharuan bagi menangani krisis ekonomi di republik itu.

Memorandum itu memperkenalkan langkah baru yang perlu diambil oleh Indonesia di bawah pakej AS\$43 bilion seperti dipersetujui dengan IMF Oktober lalu untuk menyelamatkan ekonomi Indonesia.

Mengenai kehadiran Camdessus yang tiba untuk lawatan dua hari ke negara ini, petang ini, Dr Mahathir berkata: "Beliau dijemput untuk diberitahu mengenai pendapat dan pandangan kita.

"Dulu pun dia datang. Dia juga hadir persidangan kita dan kehadirannya memberi peluang kepada saya untuk memperjelaskan masalah yang dihadapi," katanya.

Camdessus dijadualkan menemui Perdana Menteri esok. Petang ini, beliau mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan di Perbendaharaan.

Mengenai sambutan orang ramai terhadap kempen mengurangkan perbelanjaan, Perdana Menteri berkata, rakyat secara umumnya memberikan sambutan baik walaupun kerajaan menekankan masyarakat agar jangan tidak berbelanja langsung.

"Jika kita tidak berbelanja nanti kita akan menghadapi masalah dengan orang yang berniaga," katanya.

Menurutnya, kerajaan tetap mahukan rakyat berbelanja, tetapi ia harus dilakukan secara bijak dengan tidak membeli barangan import, terutama barangan mewah.

Dr Mahathir berkata, rakyat juga harus mengutamakan barangan tempatan ketika berbelanja dan tidak mengurangkan pembelian apabila harga barangan naik.

"Sebagai contoh, kita ambil gula. Sekarang harga gula naik, kita kena kurangkan gula supaya secara tidak langsung mengurangkan kemungkinan menghidap penyakit kencing manis," katanya.

(END)

